



MEJA terlalu besar menghalang pandangan.

SELESA duduk di atas kerusi elektronik ketika belajar.

ZULHANIF tidak perlu me

Murid kenit **ceria dapat Zump**

Kerusi khas ciptaan pensyarah UMP bantu proses pembelajaran Zulhanif

Oleh Rosli Abdul Jalil

BERDIRI memang tak sama tinggi, tetapi duduknya kini sama rendah. Mungkin itulah gambaran perasaan murid kenit, Zulhanif Abdul Halim, 7, pelajar Tahun Satu Sekolah Kebangsaan Sinar Mutiara, Sungai Miang, Pekan, selepas menggunakan kerusi khas di-sumbangkan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Jika sebelum ini, Zulhanif yang mempunyai ketinggian 72 sentimeter terpaksa mendongak untuk melihat papan hitam setiap kali mengikuti pembelajaran, kini dia boleh duduk dengan selesa tanpa perlu mendongak lagi.

Kerusi dan meja biasa yang disediakan di dalam bilik darjah terlalu besar buatnya, walaupun ia sudah diubah suai untuk Zulhanif.

Tinjauan Berita Harian ke Sekolah Kebangsaan Sinar Mutiara mendapati Zulhanif lebih selesa mengikuti pembelajaran sambil duduk di atas kerusi khas yang diberi nama 'Zump', iaitu gabungan singkatan nama Zulhanif dan UMP.

Dia juga sudah mahir menggunakan alat kawalan pada kerusi berkenaan dan tidak lagi kekuk untuk naik dan duduk di atasnya.

Malah, kerusi itu turut menarik perhatian rakan sekelasnya kerana reka bentuknya yang unik dan boleh dikawal menggunakan butang khas disediakan.

Guru Besar SK Sinar Mutiara, Mahmad Redzuan Zainabidin, berkata beliau

“Secara peribadi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada UMP kerana menyumbangkan kerusi khas ini kepada Zulhanif kerana ia membolehkan dia belajar dengan lebih selesa”

Mahmad Redzuan Zainabidin
Guru Besar SK Sinar Mutiara

dimaklumkan pembelajaran Zulhanif juga meningkat sejak menggunakan kerusi khas itu.

“Secara peribadi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada UMP kerana menyumbangkan kerusi khas ini kepada Zulhanif kerana ia membolehkan dia belajar dengan lebih selesa.

“Saya dapati dia sangat gembira kerana dapat ‘duduk sama rendah’ dengan rakan sekelasnya,” katanya.

Kerusi ciptaan sekumpulan pensyarah UMP yang diberi nama ‘Zump’, direalisasikan hasil gabungan usaha Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) UMP, Profesor Madya Dr Rosli Abu Bakar dan dibantu Gan Leong Ming, Wong Hong Mun, Devarajan Ramasamy, Mohd

Fazli Ismail, Faizul Syahidan Rajuli dan Mohd Aminuddin Ayob.

Dr Rosli berkata, kerusi itu direka dengan mengambil kira persekitaran pelajar sekolah rendah yang lasak.

“Sebab itu, ia tidak boleh bergerak seperti kerusi roda kerana ia bukan kerusi roda, tetapi kerusi yang direka khas untuk pelajar kenit seperti Zulhanif.

“Jika ia boleh bergerak ke sana sini, sudah tentu ia akan membahayakan pelajar dan memberi risiko kerosakan pada kerusi itu.

“Kerusi ini juga direka supaya ia dapat terus digunakan oleh Zulhanif sehingga dia memasuki tahun enam,” katanya.

Beliau berkata, kerusi yang menggunakan program kawalan logik, disiapkan dalam tempoh dua minggu dan diserahkan kepada Zulhanif pada 27 Februari lalu.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela berkata, nama ‘Zump’ adalah gabungan nama Zulhanif dan UMP, iaitu Universiti Malaysia Pahang.

“Ini adalah projek khidmat masyarakat UMP untuk mereka bentuk dan memfabrikasi kerusi khas dengan pacuan motor elektrik.

“Ia disesuaikan dengan asas ‘ergonomik’ pelajar itu dari segi ketinggian dan saiz badan,” katanya.

Katanya, kerusi itu yang dibina dengan kos kira-kira RM12,000 mempunyai bahagian rehat tangan rehat kaki, bahagian duduk yang boleh dilaras dan rak buku di kiri dan kanan tempat duduk.

Selain itu, katanya, ciri tambahan kerusi itu dilengkapi pelindung keselamatan dan mudah alih.

Sementara itu, bapa Zulhanif, Abdul Halim Sulaiman, 30, berkata kerusi itu dapat memudahkan anaknya mengikuti pelajaran di dalam bilik darjah.

“Sebelum ini, dia terpaksa mendongak di dalam kelas untuk melihat ke arah papan hitam, tetapi dengan adanya kerusi ini, kedudukannya boleh diubah suai,” katanya.

Beliau menyifatkan sumbangan yang diberikan itu tidak ternilai harganya kepada Zulhanif dan beliau sekeluarga.

“Saya bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terbabit memberikan sumbangan ini, terutama UMP,” katanya.



ZULHANIF menerima biasiswa pelajaran daripada Yayasan Pahang.

FAKTA

Zulhanif Abdul Halim

● Pelajar Tahun Satu Sekolah Kebangsaan Sinar Mutiara, Sungai Miang, Pekan, Pahang.

● Tinggi: 72 sentimeter.

● Berat: 7.5 kilogram.

● Adik perempuan (Zurin Hazlin, 6,) mengalami nasib sama dan hanya seberat enam kilogram.

● Mempunyai tarikh lahir sama

dengan adiknya, 21 Ogos.

● Takut kucing.

● Suka bermain bola selain aktif dengan aktiviti lasak seperti memanjat pokok.

● Kurang makan nasi, sebaliknya lebih suka biskut, ayam goreng dan kuih.

● Menerima kerusi khas sumbangan Universiti Malaysia Pahang (UMP) diberi nama Zump iaitu gabungan nama Zulhanif dan UMP.